



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN PERKASA PEMBANGUNAN BAKAT DAN LITERASI KEWANGAN MENERUSI JELAJAH AKAR 2026

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) terus memperkukuh komitmennya dalam memperkasa pendidikan dan pembangunan modal insan menerusi kerjasama strategik melalui program Jelajah Anugerah Kreatif Aspirasi Reka (AKAR) 2026.
2. Program AKAR 2026 yang dianjurkan oleh Yayasan KRU dengan kerjasama PTPTN, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) selaras dengan aspirasi PTPTN untuk membudayakan amalan menabung melalui Simpan SSPN, di samping mencungkil bakat kreatif murid serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perancangan kewangan pendidikan sejak usia muda.
3. Jelajah AKAR 2026 merupakan inisiatif berskala nasional yang berlangsung dari 13 Julai hingga 25 September 2026 melibatkan 40 buah sekolah di 14 buah negeri di seluruh negara. Terdahulu, siri jelajah tersebut telah diadakan di Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor, Pahang, Perlis dan Kedah. Bagi negeri Pulau Pinang, program diteruskan melibatkan lima (5) buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat, Sekolah Kebangsaan Pengkalan Jaya, Sekolah Kebangsaan Tasek Gelugor, Sekolah Kebangsaan Lahar Yooi dan Sekolah Kebangsaan Sungai Gelugor.
4. Pengerusi PTPTN, Dato' Seri Norliza Abdul Rahim berkata, "Program Jelajah AKAR 2026 merupakan inisiatif yang amat bertepatan dengan aspirasi negara dalam melahirkan generasi muda yang seimbang daripada aspek ilmu pengetahuan, kreativiti, sahsiah serta penghayatan nilai-nilai murni. Inisiatif seperti ini diyakini dapat membantu membentuk generasi yang bukan sahaja kreatif dan berdaya saing, malah bertanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar."

5. “Melalui Jelajah AKAR 2026 di Pulau Pinang, PTPTN telah menyalurkan sumbangan akaun Simpan SSPN berjumlah RM48,200 kepada 482 orang murid daripada lima (5) buah sekolah yang terlibat. Setiap penerima menerima sebanyak RM100 sebagai galakan untuk memulakan amalan menabung dan membuat persediaan kewangan bagi pendidikan tinggi sejak usia muda. Selain itu, PTPTN turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang Pertandingan Mewarna sempena Bulan Kebangsaan yang akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime bagi setiap pemenang,” tambah beliau lagi.

6. Siri Jelajah AKAR 2026 di Pulau Pinang yang berlangsung dari 6 hingga 8 Ogos 2026 telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN, YBhg. Dato' Norman Abdul Halim, Presiden Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KRU, YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, Puan Wan Zawiah Wan Abu Bakar, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasaran PTPTN dan Encik Muhammad Muhsin bin Abdul Rahman, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang.

7. PTPTN berharap pelaksanaan Jelajah AKAR 2026 akan terus menjadi platform strategik dalam mencungkil bakat dan kreativiti murid, memperkukuh literasi kewangan serta membudayakan amalan menabung sejak usia muda. Inisiatif ini diharapkan dapat melahirkan generasi yang lebih bersedia daripada segi ilmu, kemahiran dan perancangan kewangan bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, selaras dengan aspirasi negara untuk membangunkan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing.

Diedarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
7 Ogos 2026**

Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)